

Headline	Trauma disamun depan rumah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Oct 2013	Language	Malay
Circulation	60,000	Readership	180,000
Section	Mahkamah	Color	Full Color
Page No	42	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 1,172	PR Value	RM 3,515



## Trauma disamun depan rumah

**TAMPIN** – “Saya rebahkan badan ke sebelah tempat duduk hadapan penumpang sebaik melihat penyamun ingin memecahkan tingkap kereta menggunakan parang,” luah mangsa samun, Mahanum Mohd Yusof, 55, ketika ditemui di kediamannya di Taman Desa Permai Repah, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira 2 petang itu, mangsa dipercayai baru sahaja tiba di rumahnya setelah mengeluarkan wang di Maybank sebanyak RM5,000.

Menurut mangsa yang merupakan guru Sekolah Kebangsaan (SK) Tampin, ketika kejadian dia tidak menyedari diekori sebuah kereta bercermin gelap jenis Toyota Camry.

Mahanum hanya mengesyaki sesuatu selepas melihat kereta berkenaan membuat pusingan di penghujung jalan rumahnya.

“Selepas buka pintu pagar, tiba-tiba kereta itu berhenti dan melewati kereta saya sebelum pemandunya meluru ke pintu sebelah penumpang hadapan serta cuba membuka pintu.

“Saya jerit minta tolong dan masuk kembali ke dalam kereta setelah lihat penyamun itu nekad menendang pintu yang gagal dibukanya. Bagaimanapun, dia mengambil parang di dalam keretanya dan memecahkan tingkap di sebelah saya,” katanya.



Mahanum menunjukkan tingkap hadapan sebelah pemandu yang pecah berderai susulan kejadian disamun di hadapan rumahnya di Taman Desa Permai Repah.

Mahanum berkata, dia memegang beg tangannya yang diletakkan di tempat kaki penumpang hadapan, namun dirampas kasar oleh penyamun berkenaan termasuk kunci kereta Proton Saga yang dipandunya itu.

Menurutnya, susulan kejadian berkenaan dia mengalami kerugian kira-kira RM5,150 dan dokumen pengenalan diri, lesen memandu, buku akaun Maybank, buku akaun Tabung Haji, telefon bimbit jenis Nokia dan juga kunci kereta jenis

Honda City.

“Wang itu untuk bayar pengajian semester anak saya di Universiti Utara Malaysia (UUM). Saya masih trauma dengan kejadian itu, malahepak tangan turut cedera terkena serpihan kaca cermin yang dipercahkan penyamun,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Superintenden Wooi Kooi Cheang ketika dihubungi mengesahkan kejadian berkenaan dan menyatakan kes kini disiasat di bawah Seksyen 395/397 kerana samun bersenjata.